

# Tarif elektrik kekal

BH - 15/12/2022 w/s: 2

## Semakan kenaikan hanya babit syarikat multinasional eksport produk

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@bh.com.my

**Putrajaya:** Memahami beban kos sara hidup yang ditanggung rakyat, kerajaan semalam memutuskan untuk tidak menaikkan tarif elektrik bagi pengguna domestik, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), syarikat berasaskan pertanian serta pengeluar makanan.

Bagaimanapun, kerajaan akan membuat semakan untuk menaikkan tarif elektrik membabitkan syarikat multinasional yang mengeksport produk ke luar negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kerajaan memutuskan cadangan awal untuk menaikkan tarif elektrik khususnya untuk pengguna do-

mestik dan beberapa industri tidak akan diteruskan selepas mengambil kira beban yang perlu ditanggung rakyat.

“Walaupun kita akui, kalau tiada apa-apa dilakukan, kesan terhadap kewangan negara agak tinggi yang mungkin mencecah hampir RM30 bilion setahun. Namun, kita memutuskan supaya cadangan awal untuk menaikkan tarif elektrik itu tidak diteruskan kerana ia akan membebankan rakyat.

“Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad akan membuat pengumuman supaya jika dikenakan pun, ia hanya terhadap syarikat multinasional yang mengeksport produk mereka kerana tarif terlalu rendah buat mereka.

“Subsidi itu tidak harus diberikan kepada syarikat gergasi yang untungnya tinggi,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet, di sini, semalam.

Anwar mengakui memang ada keperluan mendesak untuk menaikkan tarif elektrik yang membebankan kewangan negara.

Namun demi tidak membebankan rakyat, beliau berkata, Ka-

binet membuat keputusan untuk tidak menaikannya kecuali bagi golongan pengguna yang kaya.

“Masalahnya, pemberian subsidi dilihat tidak telus untuk semua... syarikat dan syarikat kaya yang mendapat lebih manfaat. Atas sebab itu, saya berpandangan kita akan meningkatkan tarif secara berfasa untuk syarikat multinasional.

“Bagaimanapun kenaikan terhadap syarikat multinasional hanya akan berlaku secara berperingkat dan berpatutan untuk memastikan ia tidak menjejaskan operasi dan unjuran syarikat,” katanya.

### Tidak akan bebankan rakyat

Mengulas lanjut, Anwar berkata, mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) kelmarin mengambil maklum mengenai keperluan untuk menaikkan tarif elektrik, selepas mengambil kira beban kewangan kerajaan yang kian meninggi.

“Tetapi keputusan jelas, kita tidak akan membebankan rakyat. Jadi, keputusan kita ialah tidak menaikkan tarif elektrik, kecuali untuk mereka yang benar-benar kaya,” katanya.

Sementara itu, Nik Nazmi yang



Anwar bersama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pada sidang media selepas mesyuarat Kabinet di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

ditanya mengenai perincian tarif elektrik yang diumumkan Perdana Menteri, berkata perkara itu akan diumumkan menerusi kenyataan akhbar dalam masa terdekat.

Januari lalu, kerajaan mengekalkan tarif asas elektrik semasa pada 39.45 sen setiap kilowatt-jam untuk semua pengguna elektrik di Semenanjung sepanjang Tempoh Kawal Selia 3 (RP3) dari 1 Februari 2022 hingga 31 Disember 2024.

Dalam pada itu, Anwar berkata, mesyuarat NACCOL turut menyentuh mengenai kekurangan bekalan barangan tertentu

dalam pasaran, termasuk dari aspek struktur dan unjuran bekalan terbahit.

“Jadi, saya mencadangkan agar Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memberi laporan penuh berserta langkah dirasakan perlu untuk menangani masalah ini.

“Anda pun sedia maklum tahun lalu mengenai masalah melanda golongan pekebun di Cameron Highlands yang terpaksa melupuskan produk pertanian mereka kerana tiada pembeli dan masalah pengangkutan. Oleh itu, saya meminta FAMA supaya lebih proaktif,” katanya.